

# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004

September/Okttober 2003

## **HKN 501 – Karya-Karya Terpilih dalam Kesusasteraan Nusantara**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA soalan di **Bahagian A** dan DUA soalan di **Bahagian B**.

### **Bahagian A**

1. Dalam **Syair Raja Tedung dengan Raja Katak**, kekeliruan tentang realiti dan ilusi menyebabkan tokoh utamanya hidup dalam delusi, menyangka benar yang palsu dan menyangka palsu yang benar sehingga gagal untuk menafsir makna di sebalik lafaz.

Dengan membaca teks ini sebagai sebuah satira politik, bincangkan tema tentang delusi ini dan perlihatkan kesan *pathos* yang muncul akibat daripadanya.

2. Kelalaian dan kealpaan adalah domain wacana dalang yang melalui komposisi ornamentalnya menawarkan dunia yang melekakan manusia, berfaedah untuk merawat jiwanya tetapi gagal mencanai inteleknya.

Dengan menganalisis struktur verbal dan mental teks **Syair Ken Tambuhan** bincangkan teks berkenaan sebagai wacana yang sedemikian.

*In the annals, historical account was given in a way that revealed the hidden meaning of the events described and the nature of the invisible forces at work beneath the surface. These chronicles acquire a didactic value educating through historical examples both rulers and subjects. (Braginsky)*

3. Dengan merujuk kepada beberapa teks annal, hujahkan pandangan tersebut untuk menunjukkan bahawa keperluan kepada makna didaktik dalam sejarah inilah yang menjadikan karya-karya annals sebagai historiosofi lebih daripada historiografi.

## Bahagian B

4. Dalam novel **Tunggul-Tungkul Gerigis** karya Shahnon Ahmad dikatakan seluruh masyarakat Poseng menganggap Su Usul nyanyok. Dengan menilai kembali kenyanyokan itu dari kaedah bacaan senile psikosis wajarkan kedudukan sebenar Su Usul.
5. Cerpen-cerpen Danarto yang terkandung dalam antologi **Setangkai Melati di Sayap Jibrail** dan antologi **Berhala**, dibauri dengan "sastera fantasi" dan tidak pula mengabaikan unsur-unsur mistikisme dan sufisme. Bincangkan sejauhmana pembauran tersebut diolah bersama pengalaman peribadi Danarto sehingga boleh mencetuskan satu pandangan beliau bahawa perkembangan sastera di Indonesia sewajarnya "kembali ke sumber".
6. Mesej Arenawati dalam **Citra** mementingkan penyatuan umat Melayu, manakala harapan Usman Awang dalam **Tulang-Tulang Berserakan** menekankan kedamaian sejagat. Sementara wadah penting Hassan Ibrahim dalam **Tikus Rahmat** dipancarkan secara satira. Berdasarkan karya-karya tersebut perlihatkan sejauhmana keterikatan idea pengarang-pengarang berkenaan dapat menyerlahkan pengertian sastera Melayu moden sebagai "kumpulan buku-buku yang indah bahasanya dan baik isinya".